

PELANGGAN BLACKBERRY PERJANJIAN LESEN PENGGUNA AKHIR

Perisian Pelanggan ini (“**Pelanggan (Client)**”) dibekalkan oleh BlackBerry Limited atau anak syarikat atau gabungannya (“**BLACKBERRY**”), dan dibekalkan semata-mata untuk digunakan dengan perisian dan perkhidmatan pelayan syarikat yang berkaitan (“**Perisian Pelayan (Server Software)**”), yang bersama-sama dengan Pelanggan dan Aplikasi Terurus seperti yang ditakrifkan di bawah (bersama-sama dirujuk sebagai “**Perisian Pelanggan (Client Software)**”) disebut di sini sebagai “**Penyelesaian (Solution)**”.

Untuk memasang, mengaktifkan atau menggunakan mana-mana Perisian Pelanggan anda mesti sama ada telah (a): mempunyai (i) menandatangani Perjanjian Lesen Penyelesaian BlackBerry yang dibuat dengan BLACKBERRY untuk Penyelesaian, termasuk sebarang adendum atau syarat-syarat tambahan yang berkaitan dengan Penyelesaian, (“**BBSLA**”) bagi pihak anda sendiri, dan (ii) jika diperlukan untuk Penyelesaian anda, memperoleh, dan membayar yuran, jika ada, bagi Lesen Akses Pelanggan untuk pemasangan, pengaktifan dan penggunaan Perisian Pelanggan sebegini pada peranti anda; atau b) ditauliahkan memasang, mengaktifkan dan menggunakan Perisian Pelanggan bagi pihak majikan anda atau entiti undang-undang lain (“**Entiti Berlesen (Licensed Entity)**”) yang telah: (i) menandatangani BBSLA, (ii) memaklumkan anda tentang terma penggunaan anda mengenai Perisian Pelanggan di bawah BBSLA, (iii) bersetuju untuk bertanggungjawab atas penggunaan Perisian Pelanggan; dan (iv) jika diperlukan untuk Penyelesaian Entiti Berlesen anda, memperoleh dan membayar yuran, jika ada, untuk Lesen Akses Pelanggan atas pemasangan, pengaktifan dan penggunaan Perisian Pelanggan sebegini pada peranti anda.

Organisasi anda boleh menggunakan Penyelesaian untuk melaksanakan Pengurusan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Application Management) (“**MAM**”) dengan menyediakan kepada anda aplikasi yang dapat berfungsi **sama ada pada bahagian ruang peribadi atau** pada ruang kerja peranti anda (“**Managed Applications (Aplikasi Terurus)**”), termasuk aplikasi perisian yang disediakan oleh pihak ketiga. Aplikasi sedemikian dianggap sebagai Perisian Pihak Ketiga di bawah BBSLA. Perisian Pihak Ketiga boleh termasuk terma dan syarat tambahan antara anda atau Entiti Berlesen anda dan pembekal Perisian Pihak Ketiga yang mengawal penggunaannya. BLACKBERRY tidak bertanggungjawab bagi Perisian Pihak Ketiga dan semua soalan atau kebimbangan mengenainya hendaklah dialamatkan kepada pembekal Perisian Pihak Ketiga.

Organisasi anda boleh menggunakan Penyelesaian untuk melaksanakan fungsi Pengurusan Peranti Mudah Alih (Mobile Device Management) (“**MDM**”) pada peranti anda, termasuk pengumpulan maklumat peribadi. Organisasi anda bertanggungjawab terhadap pengumpulan, pemprosesan, penggunaan dan pengurusan semua maklumat yang dikumpulkan melalui Penyelesaian.

Di samping syarat-syarat di atas, jika anda mendapat sebarang Perisian Pelanggan daripada Apple iTunes App Store, anda mengaku dan bersetuju bagi pihak Entiti Berlesen yang anda dibenarkan memasang, mengaktifkan dan menggunakan Perisian Pelanggan, atau jika tidak ditauliahkan anda mengaku dan bersetuju bagi pihak anda sendiri, bahawa (i) Apple tidak bertanggungjawab terhadap sebarang Perisian Pelanggan, termasuk tanpa had prestasi,

penyelenggaraan dan sokongan, atau sebarang tuntutan oleh pihak ketiga bahawa Perisian Pelanggan sebegini melanggar hak harta intelek pihak ketiga. Jika Perisian Pelanggan gagal mematuhi sebarang jaminan yang berkenaan, anda boleh memberitahu Apple, dan Apple akan membayar balik harga pembelian untuk Perisian Pelanggan itu, jika ada, dan, sehingga tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, Apple tiada sebarang kewajiban jaminan lain berkenaan dengan Perisian Pelanggan; dan (ii) Apple dan subsidiarinya adalah benefisiari pihak ketiga dalam Perjanjian ini, dan mempunyai hak (dan akan dianggap telah bersetuju dengan hak tersebut) untuk menguatkuasakan Perjanjian ini sebagai benefisiari pihak ketiga.

DENGAN MENKLIK “**SAYA SETUJU**” DI BAWAH, ATAU DENGAN MEMASANG, MENGAKTIFKAN ATAU MENGGUNAKAN MANA-MANA PERISIAN PELANGGAN, ANDA MENGAKUI BAHAWA ANDA TELAH MEMBACA, MEMAHAMI DAN BERSETUJU UNTUK TERIKAT DENGAN DAN MEMATUHI PERJANJIAN INI, DAN MEMAKLUMKAN BLACKBERRY BAHAWA SYARAT-SYARAT DALAM (a) ATAU (b) DI ATAS TELAH DIPENUHI. **JIKA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN PERJANJIAN INI ATAU ANDA TIDAK MEMENUHI MANA-MANA SYARAT DI ATAS, ANDA TIDAK BOLEH MEMASANG, MENGAKTIFKAN ATAU MENGGUNAKAN PERISIAN PELANGGAN.**